

## TERMA DAN SYARAT AM ATILZE TELEMATICS

20191008

### 1. PERJANJIAN PELANGGAN DENGAN ATILZE

- 1.1 Terma-Terma Am Atilze ini akan dianggap sebagai bahagian penting untuk semua tujuan, digunakan untuk Jadual Produk Atilze yang berkenaan, dan/atau Jadual Perkhidmatan. Apabila Pelanggan membeli atau melanggan Produk Atilze dan Perkhidmatan, Pelanggan akan memasuki kontrak dengan Atilze seperti yang dinyatakan dalam Borang Pesanan.
- 1.2 Semua sebut harga yang dikemukakan oleh Atilze adalah tidak terikat pada bahagiannya. Suatu Perjanjian adalah muktamad dan terikat pada Pihak-Pihak hanya jika Atilze mengesahkan secara bertulis dengan menandatangani balas Borang Pesanan, atau Atilze melaksanakan Borang Pesanan sedemikian, yang mana lebih dahulu berlaku.
- 1.3 Atilze boleh menggunakan kontraktor atau subkontraktor untuk melaksanakan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini.
- 1.4 Sekiranya Atilze bersetuju untuk memberikan Produk dan Perkhidmatan Atilze untuk percubaan, Pelanggan hendaklah membenarkan Atilze untuk membongkar dan menanggalkan semua Produk daripada Kenderaan kepunyaannya atau dalam milikan pihak ketiga, selepas tempoh percubaan telah tamat dan Pelanggan tidak ingin meneruskan peruntukan Atilze Produk dan Perkhidmatan. Pelanggan akan bertanggungjawab atas dan berliabiliti untuk Produk tersebut sekiranya berlaku sebarang kerugian dan/atau kerosakan.
- 1.5 Sebarang terma atau syarat dalam pesanan pembelian Pelanggan, komunikasi atau dokumentasi lain dibekalkan oleh Pelanggan yang berbeza daripada, sebagai tambahan kepada, atau tidak konsisten dengan sebarang terma atau syarat yang dinyatakan di sini yang dibekalkan oleh Pelanggan akan dibantah dan ditolak, melainkan diterima secara bertulis oleh wakil yang diberi kuasa untuk mengikat Atilze, jika tidak, terma atau syarat tersebut tidak akan terikat atau efektif terhadap Atilze.
- 1.6 Harta Atilze adalah diasakan secara 'sebagaimana adaya' ('as is') tanpa sebarang jaminan dan liabiliti kami kepada Pelanggan berkenaan mengenai akses dan/atau penggunaan Atilze Harta adalah terhad. Oleh itu, adalah penting untuk Pelanggan supaya membaca terma-terma dan syarat-syarat dengan teliti. Dengan menandatangani Borang Pesanan, Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa Atilze akan menganggap Pelanggan bersetuju dan terikat dengan Perjanjian secara keseluruhan dari detik ini dan seterusnya.

### 2. DEFINISI DAN TAFSIRAN

## 2.1 Definisi-definisi

Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan dan ungkapan di bawah akan mempunyai makna yang berikut: -

<b>“Aksesori”</b>	bermaksud adaptor, sensor CAN, sensor tahap bahan api, sensor suhu, butang panik, dan/atau apa-apa aksesori lain yang digunakan bersama dengan Alatan.
<b>“Sekutu”</b>	bermaksud mana-mana individu atau entiti yang mengawal, dikawal oleh, atau di bawah kawalan biasa Atilze. “Kawalan” bermaksud pemilikan saham ekuiti yang membawa lima puluh peratus (50%) atau lebih undi yang boleh dilaksanakan dalam mesyuarat am (atau yang setaraf denganya) Atilze.
<b>“Perjanjian”</b>	secara kolektif bermaksud Terma-Terma Am Atilze ini, Borang Pesanan, Jadual Pembelian Produk Atilze, Jadual Sewa Produk Atilze, Jadual Perkhidmatan Atilze Fleet, Jadual Waranti Terhadap Alatan, dan sebarang jadual, borang, lampiran, ekshibit, diperbadankan dengan membuat rujukan kepada Perjanjian ini, dan termasuk bahan tambahan dan/atau penggantian.
<b>“Pihak Berkuasa yang Berkenaan”</b>	bermaksud (i) kerajaan persekutuan Malaysia, (ii) mana-mana negeri kerajaan, atau kerajaan tempatan, (iii) mana-mana agensi, pihak berkuasa atau surat cara mana-mana yang disebut terdahulu, termasuk mana-mana mahkamah, tribunal, jabatan, biro, komisen atau lembaga, atau (iv) pihak berkuasa yang berkenaan di negara asing, jika berkenaan.
<b>“Atilze”</b>	bermaksud Atilze Digital Sdn Bhd (1107060-M) yang mempunyai alamat perniagaan di B-23A-3A, The Ascent Paradigm, No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya, Selangor.
<b>“Perkhidmatan Atilze Fleet”</b>	bermaksud perkhidmatan yang direka untuk membolehkan Pelanggan memantau, dan mengawal Kenderaanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada sambungan perkhidmatan, papan skor pemandu, penjejakan GPS, penjejakan penyelenggaraan, kenderaan diagnostik, dan/atau mana-mana perkhidmatan sampingan yang mana terma-

	termanya ditetapkan dalam Jadual Perkhidmatan Atilze Fleet.
<b>“Terma-Terma Am Atilze”</b>	bermaksud Terma-Terma Am Atilze Telematics ini.
<b>“Platform Atilze”</b>	bermaksud sistem IT yang menjalankan Perkhidmatan Atilze Fleet.
<b>“Atilze Produk dan Perkhidmatan”</b>	secara kolektif bermaksud sebarang produk, dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Atilze kepada Pelanggan dan termasuk tetapi tidak terhad kepada Produk dan Perkhidmatan Atilze Fleet.
<b>“Harta Atilze”</b>	secara kolektif bermaksud Platform Atilze, Laman Web, dan Produk Atilze dan Perkhidmatan.
<b>“Tuntutan”</b>	bermaksud apa-apa guaman, tuntutan, tindakan, prosiding atau siasatan.
<b>“Pelanggan”</b>	bermaksud pelanggan yang dinyatakan dalam Borang Pesanan.
<b>“Tarikh Permulaan”</b>	bermaksud tarikh yang dinyatakan dalam Sijil Pemasangan.
<b>“Perkhidmatan Komunikasi”</b>	bermaksud perkhidmatan komunikasi untuk penghantaran data jauh dan di mana konteksnya dibenarkan, termasuk perkhidmatan roaming antarabangsa.
<b>“Maklumat Sulit”</b>	bermaksud (i) semua maklumat dan dokumentasi yang dianggap sulit atau proprietari pada masa pendedahan, dan (ii) semua maklumat dan dokumentasi yang termasuk dalam mana-mana kategori berikut: maklumat mengenai Pelanggan, Data Peribadi; maklumat kewangan (kecuali yang telah didedahkan secara terbuka menurut keperluan pengawalseliaan); Maklumat harga Alatan; dan semua maklumat lain yang didedahkan oleh mana-mana Pihak yang boleh dianggap sulit setakat mana Pihak tersebut melayan maklumat tersebut sebagai sulit atau proprietari.
<b>“Alatan”</b>	bermaksud alatan yang telah dibeli atau disewa daripada Atilze secara langsung, yang disenaraikan dalam Borang Pesanan.

<b>“Pihak Mendedah”</b>	bermaksud Pihak yang mendedahkan Maklumat Sulit.
<b>“Tarikh Efektif”</b>	bermaksud tarikh permohonan yang dinyatakan dalam Borang Pesanan.
<b>“Bebanan”</b>	bermaksud gadaai janji, ikrar, hipotek, lien atau faedah sekuriti lain yang mempunyai kesan yang sama dengan pemberian sekuriti.
<b>“Force Majeure”</b>	bermaksud apa-apa sebab yang berada di luar kawalan munasabah Atilze, yang akan mempengaruhi pelaksanaan Perjanjian, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan pengangkutan yang berpanjangan, telekomunikasi atau arus elektrik, Perkhidmatan Komunikasi yang disediakan oleh pembekal pihak ketiga, lewat dan/atau stagnasi penghantaran oleh pembekal Atilze, penghantaran tidak lengkap oleh pembekal Atilze, kegagalan untuk mendapatkan Produk dan/atau perkhidmatan pihak ketiga yang diperlukan untuk memenuhi Perjanjian dengan Atilze yang disebabkan oleh keadaan yang tidak disebabkan dengan Atilze.
<b>“Peristiwa Insolvensi”</b>	berlaku berkenaan dengan satu Pihak jika: (a) perintah penggulungan telah dibuat terhadap Pihak itu dengan syarat bahawa perintah tersebut belum ditangguhkan dan perintah itu kekal atau akan terus berkuatkuasa untuk tempoh sembilan puluh (90) hari berterusan; (b) suatu perintah dibuat atau resolusi efektif telah diluluskan, untuk pembinaan semula dan penggabungan Pihak tersebut atau mana-mana tindakan yang serupa atau prosiding lain di bawah mana-mana undang-undang lain dan perintah atau resolusi tersebut kekal atau akan terus kekal memberi kesan yang untuk tempoh enam puluh (60) hari berterusan; atau (c) penerima, penerima dan pengurus, pengurus rasmi, pelikuidasi sementara, pelikuidasi, atau pegawai yang dilantik atas semua atau sebahagian besarnya harta benda dan asset Pihak tersebut dan pelantikan sedemikian tidak ditarik balik atau dibatalkan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pelantikan tersebut; atau

- (d) pemegang Bebanan mempunyai hak milikan semua atau sebahagian besarnya harta dan asset-asset Pihak dan tindakan sedemikian tidak ditarik balik, tidak disahkan atau tidak diterbalikan dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari dari tarikh perlantikan sedemikian.

<b>“Sijil Pemasangan”</b>	bermaksud sijil yang dikeluarkan oleh pemasang kami yang memperakui bahawa Produk telah berjaya dipasang di dalam Kenderaan Pelanggan dan Perkhidmatan Atilze Fleet telah dimulakan atau dianggap bermula.
<b>“Hak Harta Intelek”</b>	bermaksud semua ciptaan, paten, reka bentuk berdaftar, hak reka bentuk, hak asas data, hak cipta, pengetahuan, cap dagang, perdagangan sulit dan hak harta interlek lain, dan permohonan untuk mana-mana yang sama dan apa-apa hak atau bentuk perlindungan yang sama dan mempunyai kesamaan atau kesan yang serupa kepada mana-mana yang mungkin wujud di mana sahaja di dunia.
<b>“Undang-Undang”</b>	bermaksud mana-mana undang-undang (sama ada dalam domestik atau antarabangsa), statut, kod, peraturan, garis panduan, notis, ordinan, peraturan, perintah, penghakiman, writ, injunksi atau surat keputusan, dan termasuk apa-apa perubahan dalam permohonan atau tafsirannya.
<b>“Kerugian”</b>	bermaksud apa-apa dan semua kos, penghakiman, yuran, denda, ganti rugi, pembayaran, penalti, liabiliti, penilaian, anugerah, kerugian langsung, termasuk, daripada kos saku atau perbelanjaan (termasuk faedah, penalti, penyiasatan, yuran guaman dan klien, perakaunan atau yuran professional lain, dan kos lain atau perbelanjaan yang ditanggung dengan munasabahnya semasa melaksanakan siasatan, kutipan, pendakwaan dan pembelaan apa-apa tindakan dan amaun yang dibayar sebagai penyelesaian) yang disebabkan dan berkaitan dengannya.
<b>“Tempoh Kontrak Minimum”</b>	bermaksud tempoh minimum Pelanggan mesti melanggan mana-mana Produk dan Perkhidmatan Atilze seperti yang dinyatakan dalam Borang Pesanan.

<b>“Tempoh yang Tidak Tetap”</b>	bermaksud perjanjian yang tidak mempunyai tempoh langganan minimum.
<b>“Borang Pesanan”</b>	bermaksud borang pesanan dan menurut borang itu Atilze akan membekalkan dan Pelanggan akan membeli, menyewa dan/atau melanggan mana-mana Produk dan Perkhidmatan Atilze selaras dengan Perjanjian tersebut.
<b>“Pihak”</b>	bermaksud sama ada Atilze atau Pelanggan.
<b>“Pihak-Pihak”</b>	secara kolektif bermaksud Atilze dengan Pelanggan.
<b>“Data Peribadi”</b>	mempunyai maksud yang sama seperti yang ditunjukkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) dan termasuk undang-undang subsidiarinya, piawaian dan kod amalan.
<b>“Produk”</b>	secara kolektif bermaksud Alatan dan Aksesori.
<b>“Jadual Produk”</b>	bermaksud jadual yang mengandungi istilah khusus produk seperti yang dinyatakan dalam Borang Pesanan, dan termasuk tetapi tidak terhad kepada Jadual Pembelian Produk Atilze, dan/atau Jadual Penyewaan Produk Atilze.
<b>“Pihak Penerima”</b>	bermaksud Pihak yang menerima Maklumat Sulit.
<b>“Tempoh Pembaharuan”</b>	bermaksud tempoh berikutnya selepas penamatan Tempoh Kontrak Minimum atau penamatan Tempoh yang Tidak Tetap.
<b>“Jadual Perkhidmatan”</b>	bermaksud jadual yang mengandungi syarat-syarat tertentu seperti yang dinyatakan dalam Borang Pesanan, dan termasuk tetapi tidak terhad kepada Perkhidmatan Atilze Fleet.
<b>“Kad SIM”</b>	bermaksud kad yang menjadi mikropemproses (SIM) atau format padat (Micro SIM) yang diprogramkan untuk menyediakan Perkhidmatan Atilze Fleet.
<b>“Nombor SIM”</b>	bermaksud awalan mobil dan lapan (8) angka nombor unik yang diberikan kepada kami oleh Pihak Berkuasa yang Berkenaan yang kami kemudiannya mengeluarkan lesen kepada Pelanggan untuk penggunaan Perkhidmatan Atilze Fleet.

<b>“Wilayah”</b>	bermaksud Malaysia.
<b>“Tempoh”</b>	bermaksud tempoh keseluruhan, termasuk Tempoh Kontrak Minimum atau Tempoh yang Tidak Tetap, dan/atau jika konteksnya membenarkan, termasuk Tempoh Pembaharuan.
<b>“Data Pengguna”</b>	bermaksud apa-apa data yang dikumpulkan oleh Platform Atilze, seperti tetapi tidak terhad kepada kelajuan, geolokasi, sejarah penyenggaraan dan status, prestasi peralatan, data pemeriksaan, data diagnostik, log aktiviti, jam operasi data, nama pengguna, Data Peribadi, dan apa-apa data lain yang dibekalkan kepada Pelanggan melalui Perkhidmatan Atilze Fleet.
<b>“Kenderaan”</b>	bermaksud senarai kenderaan yang disediakan oleh Pelanggan dan diberi kuasa oleh Atilze untuk memasang Produk dan/atau menggunakan Perkhidmatan Atilze Fleet.
<b>“Laman Web”</b>	bermaksud laman web yang dimiliki dan/atau diuruskan oleh Atilze (sebagaimana yang akan dipinda dari semasa ke semasa) yang boleh diakses melalui <a href="http://www.atilze.com">www.atilze.com</a> , dan tidak termasuk mana-mana web luaran yang mana laman web tersebut menunjukkan hyperlink atau sebaliknya.

## 2.2 TAFSIRAN

Melainkan jika ada sesuatu dalam perkara atau konteks, perkataan-perkataan di bawah adalah diberikan tafsiran yang berikut: -

- (a) perkataan tunggal adalah termasuk bilangan jamak dan sebaliknya dan rujukan kepada mana-mana jantina termasuk rujukan mengenai semua jantina lain;
- (b) rujukan kepada mana-mana undang-undang termasuk rujukan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan itu yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa, ditambah atau digubal semula;
- (c) Perjanjian ini adalah ditafsirkan sebagai rujukan mengenainya atau mereka yang diubah, ditambah atau diserahkan haknya dari semasa ke semasa;
- (d) tajuk dan tajuk kecil dalam Perjanjian ini adalah semata-mata dimasukkan untuk kemudahan untuk rujukan sahaja dan tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas tafsiran atau pentafsiran Perjanjian; dan

- (e) hanya kerana kami bertanggungjawab untuk penyediaan Perjanjian ini, atau mana-mana bahagiannya, rukun pentafsiran adalah tidak boleh diterima pakai untuk keadaan yang merugikan kami.

### **3. HAK ATILZE UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN**

- 3.1 Atilze boleh mengubah sebarang terma-terma syarat dalam Laman Web, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis. Oleh itu, Pelanggan harus merujuk kepada Perjanjian yang berkenaan yang diterima pakai untuk Pelanggan secara tetap. Apabila perubahan telah dibuat, perubahan tersebut akan menjadi efektif dengan serta-merta dan secara retrospektif pada Tarikh Efektif, selepas dipaparkan di Laman Web. Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa jika pelanggan terus melanggan Atilze Produk dan Perkhidmatan, dan/atau mengekalkan akaun dengan Atilze selepas pada tarikh bagi terma dan syarat telah diubah, Atilze akan menganggapkan bahawa Pelanggan telah menerima perubahan-perubahan tersebut.
- 3.2 Kecuali bahasa dalam dokumen sedemikian memberi kebenaran dengan secara tegas dan nyata di dalam Perjanjian ini, Pelanggan tidak boleh secara sepihak membuat sebarang perubahan pada Perjanjian tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada Atilze terlebih dahulu.

### **4. SKOP DAN TEMPOH**

- 4.1 Tempoh bagi Terma-Terma Am.  
Terma bagi Terma-Terma Am akan bermula dari Tarikh Efektif dan akan kekal sah sehingga ditamatkan selaras dengan Perjanjian ini.
- 4.2 Tempoh bagi Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan  
Satu Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan diwujudkan di bawah Terma-Terma Am adalah tertakluk kepada yang berikut: -
  - (a) Tempoh. Tempoh bagi Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan akan bermula pada Tarikh Efektif.
  - (b) Tempoh Kontrak Minimum. Jika Tempoh Kontrak Minimum dilaksanakan, ia akan dinyatakan di dalam Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan.
  - (c) Tempoh yang Tidak Tetap. Jika Tempoh yang Tidak Tetap dilaksanakan, ia akan dinyatakan di dalam Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan.
  - (d) Tempoh Pembaharuan. Jika Tempoh Pembaharuan dilaksanakan, ia akan dinyatakan di dalam Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan.
  - (e) Penamatan Awal Tidak Dibenarkan. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa dia tidak akan menamatkan Terma-Terma Am, Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan dalam Tempoh Kontrak Minimum, kecuali dan melainkan selaras dengan terma dan syarat di dalam Perjanjian ini.



4.3 Prioritisasi Dokumen-Dokumen. Berikut adalah tertakluk sekiranya wujud ketidakselarasan dan/atau konflik:

- (a) Jika di antara terma dalam Terma-Terma Am dan terma dalam Jadual Produk atau jadual perkhidmatan, terma dalam Jadual Produk atau Jadual Perkhidmatan akan digunapakai berkenaan dengan Atilze Produk dan Perkhidmatan setakat konflik dan ketidakselarasan tersebut.

## **5. HARGA, PEMBAYARAN DAN KEINGKARAN UNTUK MEMBUAT BAYARAN**

5.1 Semua harga di bawah Perjanjian ini adalah dalam Ringgit Malaysia. Semua caj, yuran dan kadar yang akan dibayar oleh pelanggan akan dinyatakan di dalam Borang Pesanan dan tempoh pembayaran akan mengikuti Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan.

5.2 Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata dalam Borang Pesanan atau Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan, Pelanggan adalah dikehendaki membayar caj yang berkaitan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan invoice.

5.3 Semua jumlah yang perlu dibayar di bawah Perjanjian adalah tidak termasuk cukai perkhidmatan, cukai nilai tambah (*value added tax*) atau cukai pegangan (*withholding taxes*), impos, duti-duti atau caj (bayaran yang menjadi tanggungjawab anda) dan jika terdapat keperluan untuk memotong daripada apa-apa bayaran di bawah Perjanjian ini apa-apa cukai nilai tambah (*value added tax*) atau cukai pegangan (*withholding taxes*), cukai perkhidmatan atau impos, duti-duti atau caj, maka pelanggan mesti membayar kepada Atilze jumlah tambahan itu bagi membolehkan Atilze untuk menerima sepenuhnya pembayaran yang jika tidak, akan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Atilze.

5.4 Caj, fi dan kadar mungkin diselaraskan oleh Atilze dengan syarat bahawa Atilze telah memberikan Pelanggan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

5.5 Atilze berhak untuk mengenakan bayaran dan Pelanggan mesti membayar Atilze caj bayaran kelewatan pada kadar 8.0% setahun (sebelum dan selepas penghakiman) ke atas semua caj tertunggak yang dikira setiap hari, dikira dari hari berikutan tarikh tamat tempoh itu sehingga tarikh pembayaran sebenar bagi jumlah tertunggak penuh termasuk faedah terakru.

5.6 Sebarang potongan, tolakan atau tuntutan balas adalah tidak dibenarkan, kecuali dan melainkan mengikuti Klausula 6 di mana terdapat pertikaian berkenaan dengan jumlah dan terdapat penemuan oleh Atilze bahawa terdapat kesilapan yang nyata dalam bil.

## **6. PERTIKAIAN TERHADAP INVOIS**

6.1 Jika Pelanggan mempunyai pertikaian mengenai invoice, Pelanggan mesti memberi Atilze notis dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh invoice tersebut dengan

menyatakan (a) penyertaan/amaun yang dipertikaikan, (b) sebab-sebab penyertaan dan/atau apa-apa amaun yang dipertikaikan, dan mana-mana rekod bertulis atau bukti dokumen yang menyokong pertikaian tersebut.

- 6.2 Pelanggan bersetuju secara tidak boleh ditarik balik bahawa sekiranya Pelanggan gagal untuk memberikan Atilze apa-apa notis secara bertulis mempertikaikan invoice dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh invoice, Pelanggan akan dianggap telah menerima penyertaan yang dinyatakan dalam invoice adalah betul dan tepat dan invoice tersebut adalah terikat dan merupakan bukti muktamad terhadap Pelanggan bagi kebenaran dan ketepatan penyertaan yang dinyatakan di dalam invoice dan amaun yang kena dibayar dan terhutang oleh Pelanggan kepada Atilze dalam mahkamah, kecuali apa-apa kesilapan yang nyata.
- 6.3 Apabila menerima notis bertulis, Atilze akan menggunakan usaha yang munasabah untuk menyelesaikan pertikaian itu. Atilze boleh, sebagaimana dan apabila Atilze fikir patut, menjalankan apa-apa penyiasatan mengenai jumlah yang dipertikaikan. Keputusan penemuan akan dianggap muktamad dan konklusif dan terikat kepada Pelanggan dan tidak boleh dipersoalkan oleh Pelanggan dalam mana-mana keadaan.
- 6.4 Jika Atilze mendapati bahawa Pelanggan dikehendaki untuk membayar caj dipertikaikan, Pelanggan mesti membayar caj yang dipertikaikan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penemuan Atilze. Jika penemuan Atilze menunjukkan bahawa Pelanggan tidak perlu membayar caj yang dipertikaikan itu, Atilze akan menyediakan nota kredit, atau memberikan bayaran balik setelah aduan itu telah disiasat dan diselesaikan.
- 6.5 Walau apa pun Pelanggan adalah tidak dikehendaki untuk membayar amaun yang dipertikaikan sementara penyelesaian pertikaian, Pelanggan masih dikehendaki untuk membayar apa-apa bahagian invoice yang tidak dipertikaikan.

## **7. REPRESENTASI DAN JAMINAN**

- 7.1 Pihak-Pihak memberi jaminan dan representasi bahawa:-
  - (a) mereka mempunyai kuasa penuh dan autoriti untuk membuat dan melaksanakan Perjanjian ini; dan
  - (b) prestasi obligasi dan kewajipan Perjanjian ini tidak akan melanggar mana-mana perjanjian di mana Pelanggan merupakan satu pihak atau yang mana ia adalah terikat sebaliknya.
- 7.2 Pelanggan selanjutnya memberi representasi, jaminan, perjanjian dan kovenan seperti berikut: -
  - (a) semua maklumat yang diperlukan oleh dan diberikan oleh Pelanggan berkaitan dengan atau bagi tujuan Perjanjian ini adalah betul dan tepat dalam setiap aspek material dan adalah tidak salah, mengelirukan, menipu, dan/atau menyalahi undang-undang dan apa-apa di sini tidak menyiratkan apa-apa

obligasi di atas pihak kami untuk mengesahkan ketepatan dan kesahihan maklumat tersebut;

- (b) tidak menggunakan atau membenarkan penggunaan Atilze Produk dan Perkhidmatan untuk sebarang tujuan penipuan, menyalahi undang-undang, tidak sah, atau tidak wajar bagi pelanggaran mana-mana Undang-Undang;
- (c) tidak cuba untuk mendapatkan akses yang tidak dibenarkan kepada Platform Atilze, Data Peribadi, perisian, sistem komputer atau rangkaian yang disambungkan ke rangkaian dalam penyediaan Perkhidmatan Atilze Fleet, melalui penggodaman, perlombongan kata laluan atau apa-apa cara lain;
- (d) untuk bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua Data Pengguna, maklumat yang didapati, disimpan dan/atau dihantar oleh Pelanggan melalui penggunaan Perkhidmatan Atilze Fleet; dan
- (e) tidak melakukan apa-apa perbuatan yang akan membatalkan jaminan Kenderaan Pelanggan.

## **8. FORCE MAJEURE**

- 8.1 Atilze tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan untuk apa-apa kelewatan, kegagalan, penggantungan atau gangguan dalam membekalkan Atilze Produk dan Perkhidmatan yang disebabkan oleh peristiwa Force Majeure. Apabila berlakunya sebarang peristiwa Force Majeure, obligasi-obligasi Atilze dan apa-apa tempoh masa yang berjalan akan tergantung bagi tempoh peristiwa itu sebagai tambahan kepada apa-apa tempoh sebagaimana yang dikehendaki untuk meneruskan seperti biasa.
- 8.2 Tanpa menjejaskan perenggan yang disebut terdahulu, jika mana-mana peristiwa Force Majeure menyebabkan gangguan dalam bekalan Atilze Produk dan Perkhidmatan, Atilze boleh pada bila-bila masa, walau apa pun yang terkandung dalam terma-terma ini, dengan serta-merta menamatkan Jadual Produk yang berkenaan, Jadual Perkhidmatan yang berkenaan, dan/atau Perjanjian ini. Dalam keadaan sedemikian, melainkan jika Atilze dengan secara nyata memaklumkan kepada Pelanggan sebaliknya, Pelanggan tidak akan dikecualikan daripada membayar semua caj di bawah Perjanjian itu pada masa peristiwa Force Majeure tersebut.

## **9. DATA PENGGUNA DAN LESEN UNTUK DATA PENGGUNA**

- 9.1 Jika Pelanggan adalah tuan punya tunggal atau individu sebahagian daripada perkongsian, Atilze akan mengumpul dan memproses Data Peribadi Pelanggan selaras dengan Dasar Privasi Atilze ini.
- 9.2 Data Peribadi Pengguna.
  - (a) Jika Pelanggan memberikan kami apa-apa Data Peribadi kakitangan, pengarah-pengarah, pekerja-pekerja, dan/atau kontraktor-kontraktor,

Pelanggan menjamin bahawa ia telah mendapatkan kebenaran individu tersebut untuk mendedahkan Data Peribadi kepada Atilze.

- (b) Pihak-Pihak mengakui tugas masing-masing di bawah PDPA, dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi obligasi dan kewajipan mereka di bawah PDPA dan hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah antara satu sama lain di mana sesuai atau perlu untuk mematuhi apa-apa obligasi yang timbul di bawah PDPA yang mungkin boleh diterima pakai bagi Perjanjian.

- 9.3 Pelanggan hendaklah mengekalkan pemilikan semua hak, hak milik dan kepentingan dalam dan kepada Data Pengguna. Pelanggan dengan ini memberi Atilze seluruh dunia, bebas royalti, dibayar sepenuhnya, boleh dipindah milik, boleh diserahkan, boleh disub-lesenkan (melalui pelbagai peringkat), lesen kekal untuk mengumpul, menganalisis, menggunakan, dan selainnya menjalankan kawalan ke atas mana-mana dan semua Data Pengguna, termasuk hak untuk menggunakan Data Pengguna selaras dengan Dasar Privasi Atilze ini. Atilze tidak mempunyai apa-apa obligasi di bawah Perjanjian ini untuk membekalkan Pelanggan apa-apa data yang dikumpul, kecuali melalui Platform Atilze.

## **10. ANTI-PEMBERIAN RASUAH DAN ANTI-RASUAH**

- 10.1 Setiap Pihak memberi representasi dan menjamin bahawa ia tidak akan mengambil tindakan atau mengelakkan apa-apa tindakan yang boleh menyebabkan liabiliti untuk Pihak yang satu lagi di bawah mana-mana undang-undang anti-pemberian rasuah atau anti-rasuah, tanpa had, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, juga mana-mana undang-undang atau triti anti-pemberian rasuah atau anti-rasuah yang terpakai kepada mana-mana Pihak. Setiap Pihak telah dan hendaklah mengekalkan sepanjang Tempoh dasar dan prosedur untuk mengesahkan pematuhan dengan Undang-Undang berkenaan yang berkaitan dengan undang-undang anti-pemberian rasuah dan undang-undang anti-rasuah.
- 10.2 Setiap Pihak hendaklah segera melaporkan kepada Pihak yang satu lagi apa-apa permintaan yang telah diterima oleh Pihak tersebut berkaitan dengan apa-apa kewangan atau kelebihan lain-lain yang tidak wajar dalam apa jua bentuk yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian ini. Tiada Pihak hendaklah menerima, menawar atau membuat apa-apa bayaran atau menyediakan apa-apa lagi yang bernilai, atau mengambil atau gagal mengambil apa-apa tindakan lain yang sama ada yang dilarang atau yang dikehendaki oleh Undang-Undang berkenaan yang berkaitan dengan Perjanjian ini.

## **11. HARTA INTELEK**

- 11.1 Pelanggan mengakui bahawa Atilze Produk dan Perkhidmatan mungkin mengandungi rahsia perdagangan, teknologi proprietari, dan lain-lain pengetahuan sulit ("Harta Intelekt") yang dimiliki sepenuhnya oleh Atilze atau pemberi lesen yang

berkenaan. Pelanggan tidak memiliki dan tidak boleh memperoleh apa-apa hak dalam Harta Intelek. Di mana bahagian Atilze Produk dan Perkhidmatan termasuk penyediaan perkhidmatan pihak ketiga dan/atau perisian, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan perkhidmatan pihak ketiga dan/atau perisian adalah tertakluk kepada terma dan syarat pihak ketiga tersebut dan Pelanggan hendaklah memastikan pematuhan tegas terhadap terma dan syarat pihak ketiga dan tidak menghakis hak kami dalam apa jua keadaan.

## 12. MAKLUMAT SULIT

- 12.1 Pihak Penerima mengakui bahawa ia akan mendapatkan akses kepada Maklumat Sulit tertentu Pihak Mendedah. Pihak Penerima bersetuju bahawa ia tidak akan menggunakan apa-apa cara, untuk akaun sendiri atau akaun pihak ketiga, kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata dalam Perjanjian ini, atau mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga (kecuali seperti yang dikehendaki oleh Undang-Undang atau peguam cara Pihak Penerima, akauntan dan penasihat lain yang diperlu secara munasabah), apa-apa Maklumat Sulit Pihak Mendedah dan akan mengambil langkah yang munasabah untuk melindungi dan menjaga kerahsiaan apa-apa maklumat daripada pendedahan kepada orang lain, dengan menggunakan tahap penjagaan yang setahap seperti yang digunakan untuk melindungi Maklumat Sulit sendiri.
- 12.2 Pengecualian. Maklumat tidak akan dianggap sebagai Maklumat Sulit di bawah ini jika maklumat tersebut: -
- (a) sudah dalam domain awam atau menjadi begitu bukan kerana kesalahan Pihak Penerima;
  - (b) dibangunkan secara bebas oleh Pihak Penerima atau mana-mana pekerja, ejen atau wakil yang tidak mempunyai akses kepada Maklumat Sulit dibekalkan oleh Pihak Mendedah;
  - (c) diterima atau telah diterima secara sah oleh Pihak Penerima daripada pihak ketiga, selain daripada orang yang mendapat maklumat sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pelanggaran mana-mana kewajipan keyakinan yang terhutang kepada Pihak Mendedah; atau
  - (d) didedahkan menurut Undang-Undang dengan syarat bahawa Pihak Menerima segera memberitahu Pihak Mendedah dengan keperluan itu dan peluang yang munasabah dibenarkan oleh Pihak Penerima untuk Pihak Mendedah untuk memfailkan atau mendapatkan perintah perlindungan atau sebaliknya meneruskan untuk melindungi, di bawah mana-mana Undang-Undang berkenaan, kepentingan Pihak Mendedah.
- 12.3 Remedi. Walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan dengan Perjanjian ini, sekiranya mana-mana pelanggaran yang disengajakan di atas Klausa ini, pihak yang

tidak melanggar undang-undang layak untuk sebarang remedi yang sedia ada berdasarkan undang-undang dan/atau ekuiti.

### **13. GANTI RUGI DAN HAD LIABILITI**

- 13.1 Setiap Pihak mengaku janji untuk membayar ganti rugi kepada Pihak yang satu lagi dan melindungi Pihak yang satu lagi pada setiap masa dengan membayar ganti rugi sepenuhnya daripada dan terhadap semua Tuntutan dan Kerugian, apa pun yang timbul, akibat daripada: -
- (a) apa-apa pelanggaran atau ketidaklaksanaan aku janji oleh salah satu Pihak, representasi dan jaminan atau obligasi di bawah Perjanjian ini;
  - (b) pelanggaran Harta Intelek salah satu Pihak atau hak harta intelek pihak ketiga;
  - (c) pelanggaran Maklumat Sulit; dan/atau
  - (d) pelanggaran Undang-Undang.
- 13.2 Atilze tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan untuk apa-apa Tuntutan dan/atau Kerugian, yang timbul daripada berikut: -
- (a) penggantungan Produk Atilze dan Perkhidmatan;
  - (b) apa-apa pemberhentian (secara kekal atau sementara) dalam pembekalan mana-mana Atilze Produk dan Perkhidmatan (atau mana-mana ciri di dalam perkhidmatan);
  - (c) apa-apa ketidakupayaan untuk menggunakan Atilze Produk dan Perkhidmatan, atau mana-mana bahagiannya;
  - (d) pemadaman, kerosakan, atau kegagalan untuk menyimpan mana-mana Data Pengguna;
  - (e) kehilangan Data Pengguna;
  - (f) sebarang kelewatan atau kegagalan untuk menjalankan apa-apa obligasi di bawah Perjanjian ini jika dan setakat mana kegagalan itu adalah disebabkan oleh keadaan di luar kawalan Atilze;
  - (g) pematuhan dengan Undang-Undang, Pihak Berkuasa yang Berkenaan, atau ketidakpatuhan yang boleh menjejaskan bekalan Atilze Produk dan Perkhidmatan, atau mana-mana bahagiannya;
  - (h) bagi apa-apa kerugian, kecederaan dan/atau kerosakan kepada mana-mana harta alih dan/atau harta tak alih, walau bagaimanapun yang timbul;
  - (i) bagi apa-apa kecederaan peribadi dan/atau kematian mana-mana orang, walau apa pun yang timbul; dan/atau;
  - (j) peristiwa Force Majeure.
- 13.3 Kecuali disebabkan secara langsung oleh, dan semata-mata daripada penggunaan Atilze Product dan Perkhidmatan, Atilze, kakitangan, ejen, dan/atau kontraktor, Atilze tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan untuk apa-apa kerugian dan/atau kerosakan terhadap Kenderaan Pelanggan, walau bagaimanapun yang timbul.
- 13.4 Tiada Pihak akan bertanggungjawab terhadap Pihak yang satu lagi bagi apa-apa kehilangan hasil, kontrak, pelanggan, nama baik atau simpanan yang dijangka atau

keuntungan, perbelanjaan sia-sia, atau apa-apa tidak langsung, berbangkit, sampingan, khas, punitif atau ganti rugi teladan dan/atau ganti rugi apa sahaja yang ditanggung dan/atau yang dialami oleh salah satu Pihak oleh sebab pelanggaran Perjanjian ini, sebarang tamat tempoh atau penamatan Perjanjian (walaupun kerugian itu timbul secara langsung, lazimnya atau dalam perjalanan biasa perkara dari apa-apa pelanggaran, tindakan yang diambil atau kegagalan untuk bertindak), sama ada liabiliti tersebut ditegaskan berdasarkan kontrak, tort (termasuk kecuaiian atau liabiliti ketat) atau sebaliknya, walaupun ia telah dinasihatkan kemungkinan ganti rugi tersebut.

- 13.5 Sekiranya Atilze didapati bertanggungjawab, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh Pihak Berkuasa yang Berkenaan atau di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten, Pelanggan bersetuju bahawa jumlah liabiliti agregat Atilze untuk Pelanggan tidak boleh melebihi amaun yang sama dengan jumlah yang dibayar oleh Pelanggan kepada Atilze dalam tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh itu yang menyebabkan tuntutan itu berlaku, atau Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja, yang mana lebih rendah. Had ini adalah diterima pakai tanpa mengira punca tindakan atau teori undang-undang dirayu atau ditegaskan.
- 13.6 Sekiranya kami memulakan tindakan undang-undang terhadap Pelanggan, Pelanggan akan bertanggungjawab untuk menanggung ganti rugi dan membayar semua kos perundangan dan perbelanjaan atas dasar peguamcara dan pelanggan. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa apa-apa pertikaian berhubung dengan kualiti Atilze Produk dan Perkhidmatan tidak boleh digunakan sebagai alasan atau asas bagi kelewatan atau tidak membayar caj tertunggak dan/atau wang lain yang kena dibayar menurut Perjanjian ini.

#### **14. BUKTI KONKLUSIF**

- 14.1 Apa-apa pengakuan atau pemakluman secara bertulis oleh Pelanggan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan kepada jumlah hutang kepada Atilze dan apa-apa penghakiman yang diperolehi oleh Atilze terhadap Pelanggan keterhutangan adalah terikat dan muktamad di semua mahkamah di Malaysia dan di tempat lain.
- 14.2 Pelanggan dengan nyata dan tidak boleh ditarik balik bersetuju bahawa sijil keterhutangan dikeluarkan oleh pegawai Atilze ini adalah bukti konklusif dan terikat berkenaan dengan amaun yang pada masa itu kena dibayar dan terutang oleh Pelanggan kepada Atilze dan ia adalah bukti konklusif terhadap Pelanggan dalam mana-mana prosiding undang-undang.

#### **15. PENAMATAN TERMA-TERMA AM INI**

- 15.1 Penamatan Terma-Terma Am ini.

Terma-Terma Am boleh ditamatkan oleh Pihak sahaja sekiranya: -

- (a) Pihak-Pihak bersetuju secara bertulis untuk menamatkan Terma-Terma Am ini; atau
- (b) salah satu Pihak menyampaikan notis penamatan apabila berlakunya sesuatu Peristiwa Insolvensi berkenaan dengan Pihak yang satu lagi; atau
- (c) salah satu Pihak mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa Pihak yang satu lagi atau mana-mana satu yang diupah oleh Pihak yang satu lagi atau yang bertindak bagi pihaknya sama ada dengan atau tanpa pengetahuan Pihak yang satu lagi terlibat dalam perbuatan rasuah berkaitan dengan Perjanjian ini; atau
- (d) tiada sedia ada Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan yang masih beroperasi.

#### 15.2 Kesan Penamatan

Penamatan Terma-Terma Am ini akan tertakluk kepada yang berikut: -

- (a) apa-apa jumlah yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Atilze mengikut Perjanjian ini sehingga tarikh penamatan hendaklah dibayar oleh Pelanggan kepada Atilze dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis penamatan;
- (b) Pihak-Pihak hendaklah bekerjasama dengan cara yang teratur dalam penamatan hubungan mereka di bawah Perjanjian ini;
- (c) Pelanggan hendaklah membenarkan Atilze untuk membongkar dan mengeluarkan semua produk milik Atilze dari Kenderaan Pelanggan, yang dalam milikan Pelanggan dan/atau pihak ketiga;
- (d) penamatan Perjanjian ini tidak boleh bertindak sebagai penepian mana-mana liabiliti atau obligasi oleh satu Pihak yang terakru pada atau sebelum tarikh penamatan;
- (e) Klausula 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan klausula-klausula yang dengan sifatnya akan bertahan penamatan Terma-Terma Am ini akan terus bertahan.

## 16. PENAMATAN JADUAL PRODUK DAN/ATAU JADUAL PERKHIDMATAN

### 16.1 Penamatan oleh Atilze Tanpa Sebab

Walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan dengan Terma-Terma Am dan di samping Tempoh Kontrak Minimum, Atilze berhak untuk menamatkan Jadual Produk berkenaan dan/atau Jadual Perkhidmatan, pada bila-bila masa, selepas Tarikh Efektif, dengan memberi Pelanggan notis enam puluh (60) hari, tanpa bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi jumlah tertentu untuk penamatan awal.

### 16.2 Penamatan oleh Atilze dengan Punca

Walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan dengan Terma-Terma Am dan di samping Tempoh Kontrak Minimum, Atilze berhak untuk menamatkan Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan, pada bila-bila masa, selepas Tarikh Efektif: -



- (a) selepas sebarang pelanggaran oleh Pelanggan terhadap terma-terma dalam Terma-Terma Am ini, atau Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan yang berkenaan, yang pelanggaran tidak boleh diremedikan oleh Pelanggan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas menerima notis daripada Atilze yang memerlukan Pelanggan untuk memulihkan pelanggaran material tersebut di mana pelanggaran itu mampu diremedikan;
- (b) sebaik sahaja dengan notis bertulis kepada Pelanggan sekiranya Pelanggan gagal untuk mematuhi mana-mana Undang-Undang yang berkenaan;
- (c) tertakluk kepada pematuhan dengan kovenan untuk menyediakan pemberitahuan sewajarnya, sebaik sahaja notis bertulis kepada Pelanggan apabila suatu Peristiwa Force Majeure yang telah menyebabkan atau dijangka dengan munasabah dan menyebabkan Atilze dikecualikan daripada pelaksanaan obligasi yang terjejas di bawah Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan yang lebih daripada enam puluh (60) hari; atau
- (d) apabila notis bertulis diberi mengenai Peristiwa Insolvensi yang berkenaan dengan Pelanggan.

#### 16.3 Penamatan oleh Pelanggan dengan Punca

Kecuali seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam Jadual Produk atau Jadual Perkhidmatan, Pelanggan berhak untuk menamatkan Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan, pada bila-bila masa, selepas Tarikh Efektif: -

- (a) apabila pelanggaran oleh Atilze terhadap terma-terma dalam Terma-Terma Am ini, atau Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan yang berkenaan, yang pelanggaran tidak boleh diremedikan oleh Atilze dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas menerima notis daripada Pelanggan yang memerlukan Atilze untuk memulihkan pelanggaran material tersebut di mana pelanggaran itu mampu diremedikan;
- (b) sebaik sahaja dengan notis bertulis kepada Atilze sekiranya Atilze gagal untuk mematuhi mana-mana Undang-Undang yang berkenaan;
- (c) tertakluk kepada pematuhan dengan kovenan untuk menyediakan pemberitahuan sewajarnya, sebaik sahaja notis bertulis kepada Atilze apabila suatu Peristiwa Force Majeure yang telah menyebabkan atau dijangka dengan munasabah untuk menyebabkan Atilze dikecualikan daripada pelaksanaan obligasi yang terjejas di bawah Jadual Produk dan/atau Jadual Perkhidmatan yang lebih daripada enam puluh (60) hari; atau
- (d) apabila notis bertulis diberi mengenai Peristiwa Insolvensi yang berkenaan dengan Atilze.

#### 16.4 Kesan Penamatan Jadual Produk atau Jadual Perkhidmatan

Selepas penamatan Jadual Produk atau Jadual Perkhidmatan, Pihak-Pihak akan dibebaskan daripada semua kewajipan, obligasi, liabiliti dan tanggungjawab di bawah Jadual Produk atau Jadual Perkhidmatan yang berkaitan, kecuali bagi sebarang

liabiliti atau obligasi oleh mana-mana Pihak yang telah terakru pada atau sebelum tarikh penamatan.

## **17. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- 17.1 Pihak yang mendakwa bahawa pertikaian atau perbezaan telah timbul di bawah, atau berkaitan dengan Perjanjian ini, mesti memberi notis kepada Pihak yang satu lagi secepat yang dapat dilaksanakan selepas berlakunya pertikaian atau perbezaan yang menjadi subjek pertikaian itu dan, dalam notis tersebut, Pihak tersebut hendaklah memberikan butir-butir mengenai keadaan dan sifat pertikaian itu dan tuntutan yang berhubung dengan pertikaian itu, dan hendaklah menetapkan Ketua Pegawai Eksekutifnya atau eksekutif kanan bersamaan atau pegawai yang diberi kuasa sebagai wakil untuk rundingan yang berkaitan dengan pertikaian itu, di mana orang itu mempunyai kuasa untuk menyelesaikan pertikaian itu. Pihak yang satu lagi akan segera memberi notis kepada pihak pertama menyatakan kedudukan masing-masing berhubung dengan pertikaian tersebut dan menetapkan wakil mereka dalam rundingan yang berkaitan dengan pertikaian itu, orang yang mempunyai kuasa yang setaraf. Wakil-wakil yang ditunjukkan oleh setiap Pihak hendaklah menggunakan segala usaha yang munasabah untuk menyelesaikan pertikaian itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari notis pertikaian yang dikeluarkan oleh Pihak yang pertama.
- 17.2 Apa-apa pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini, yang berkenaan dengannya penyelesaian mesra belum dicapai mengikut Klausula ini, Pihak-Pihak dengan ini bersetuju untuk menggunakan penyelesaian pertikaian mengikut Klausula 18.9.

## **18. PERUNTUKAN UMUM**

- 18.1 Notis-notis
- Apa-apa notis, permintaan atau komunikasi lain hendaklah disampaikan oleh mana-mana Pihak kepada Pihak yang satu lagi sama ada melalui e-mel elektronik, dihantar melalui tangan, kurier dan/atau pos biasa prabayar atau pos berdaftar (bukan AR Berdaftar), faksimili ke alamat Pihak yang satu lagi seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau ke alamat terakhir Pihak satu lagi yang terdapat dalam rekod masing-masing.

Notis, permintaan atau komunikasi lain hendaklah dianggap berkesan: -

- (a) Jika melalui e-mel elektronik atau penghantaran tangan, pada hari penghantaran;
- (b) Jika melalui pos berdaftar prabayar atau pos berdaftar, tiga (3) hari selepas ia telah diserahkan dengan sewajarnya;
- (c) Jika melalui kurier, 1 hari selepas penghantaran; atau

- (d) Jika melalui faksimili, pada hari penghantaran dengan syaratnya laporan penghantaran daripada mesin faksimili penghantar mengesahkan bahawa penghantaran telah lengkap dan tanpa halangan.

Salinan notis dan/atau permintaan akan disalin ke Jabatan Undang-Undang kami di alamat berikut: -

Head of Legal  
B-23A-3, The Ascent Paradigm,  
No. 1, Jalan SS 7/26A  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya sebarang tindakan dimulakan di mahkamah di Malaysia berhubung dengan Perjanjian ini, proses undang-undang dan dokumen-dokumen lain boleh disampaikan dengan menghantar dokumen kepada Pelanggan dengan pos berdaftar (bukan Pos Berdaftar AR) di alamat yang dinyatakan dalam Borang Pesanan atau alamat terakhir Pelanggan yang terdapat dalam rekod Atilze dan perkhidmatan sedemikian akan pada hari kelima (5) selepas penghantaran, dianggap sebagai perkhidmatan yang baik dan mencukupi bagi proses undang-undang sedemikian atau dokumen.

#### 18.2 Hubungan Pihak-Pihak

Pelanggan dan Atilze adalah kontraktor bebas dan Perjanjian ini tidak akan mewujudkan sebarang hubungan perkongsian, usahasama, pekerjaan, francais atau agensi antara Pelanggan dan Atilze. Kedua-dua Pelanggan dan Atilze juga tidak mempunyai kuasa untuk mengikat mana-mana Pihak atau menanggung obligasi atas nama Pihak yang satu lagi tanpa keizinan bertulis Pihak yang satu lagi terlebih dahulu, kecuali dinyatakan sebaliknya secara nyata.

#### 18.3 Publisiti

Pelanggan tidak boleh, tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu (keizinan tersebut tidak boleh ditahan secara tidak munasabah), mengumumkan secara awam atau selainnya mendedahkan tentang kewujudan atau terma Perjanjian ini, atau melepaskan mana-mana publisiti mengenai Perjanjian ini.

#### 18.4 Tiada Penafian.

Kegagalan atau kecuaiannya mana-mana Pihak dalam apa-apa hal untuk menjalankan hak, kuasa, keistimewaan di bawah ini atau di bawah undang-undang tidak akan menjadi kepada sesuatu penafian apa-apa hak yang timbul daripada, menurut atau di bawah Perjanjian ini. Semua penafian oleh mana-mana Pihak mestilah diberi secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa, dalam kes kami, oleh pegawai yang mempunyai kuasa tertinggi dalam organisasi.

#### 18.5 Penyerahhakan

Atilze boleh menyerahkan, mengemas kini, atau memindahkan Perjanjian ini tanpa kebenaran bertulis Pelanggan terlebih dahulu. Pelanggan tidak boleh menyerahkan, mengemas kini atau memindahkan Perjanjian ini kepada mana-mana pihak ketiga. Perjanjian ini hendaklah memberi manfaat kepada penerima dan pengganti Pelanggan dan Atilze yang dibenarkan.

18.6 Kebolehasingan

Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian diputuskan oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten sebagai tidak sah, atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua hal, kesahan dan kebolehuatkuasaan peruntukan yang lain yang terkandung di sini tidak akan terjejas dalam apa cara sekalipun.

18.7 Masa

Masa, di mana jua disebutkan, merupakan intipati dalam Perjanjian ini.

18.8 Keseluruhan Perjanjian

Perjanjian ini termasuk lampiran-lampiran, ekshibit-ekshibit dan jadual-jadualnya menetapkan keseluruhan perjanjian antara Pihak-Pihak dan menggantikan sebarang pengaturatan atau perjanjian terlebih dahulu, sama ada secara lisan atau secara bertulis antara Pihak-Pihak yang berkaitan dengannya.

18.9 Undang-Undang yang Mentadbir

Perjanjian ini dibuat di bawah dan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia tanpa mengambil kira prinsip-prinsip konflik undang-undang dan kedua-dua Pihak ('Partner') denggan ini bersetuju secara tidak boleh ditarik balik bahawa (a) tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia, dan (b) mengecualikan sebarang bantahan atas alasan tempat atau forum yang tidak menyenangkan atau alasan yang sama.

18.10 Penghantaran Tandatangan Asal dan Penandatanganan *Multiple Counterparts*

Tandatangan asal yang dihantar dan diterima melalui faksimili atau penghantaran elektronik lain dokumen yang diimbas, (misalnya, pdf atau format yang serupa) adalah tandatangan yang sah dan sah untuk semua tujuan di bawah ini dan akan mengikat Pihak-Pihak setakat yang sama dengan tandatangan asal. Perjanjian ini boleh ditandatangani dalam mana-mana bilangan duplikat, yang masing-masing hendaklah dianggap sebagai asal tetapi kesemuanya apabila diambil bersama akan membentuk satu instrumen yang sama.

18.11 Bahasa Pentadbiran

Sekiranya Perjanjian ini diterjemahkan ke dalam bahasa lain dan terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa asing Perjanjian, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

[baki halaman ini dengan sengaja dibiarkan kosong]